

13 FEB 2001

PEMUDA UMNO AKAN BANTU PELAJAR GAGAL BAYAR PERIKSA

KOTA BAHARU, 13 Feb (Bernama) -- Pemuda Umno berjanji untuk membantu kesemua 600 pelajar yang dilaporkan gagal menjelaskan yuran peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Gua Musang akibat kemiskinan.

Anggota Biro Pendidikan Pemuda Umno, Rustam Affandi Maktar berkata pergerakan itu akan berusaha mendapatkan sumber wang bagi membiayai yuran peperiksaan pelajar-pelajar berkenaan bagi memastikan mereka dapat meneruskan pelajaran.

Semalam sebuah akhbar melaporkan sebanyak 600 pelajar di tiga sekolah menengah di Gua Musang -- Sekolah Menengah (SM) Paloh, SM Bandar Chiku dan SM Sungai Asap -- mungkin tidak dapat menduduki peperiksaan PMR dan SPM kerana masih gagal membayar yuran akibat kemiskinan.

Berikutan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta semua pihak membantu menyelesaikan masalah berkenaan.

Rustam berkata pihaknya akan ke Gua Musang secepat mungkin bagi menyiasat perkara itu termasuk mengenal pasti jumlah sebenar pelajar yang terbabit serta punca mereka tidak mampu membayar yuran itu.

Katanya Pemuda Umno juga akan mencari jalan bagaimana untuk membantu pelajar itu secara berterusan supaya mereka dapat meneruskan pengajian.

-- BERNAMA  
MNR RAR MAI